

02/04/1999

Tabung Nusa tak perlu - Muhyiddin

Hussain Said

SELEPAS trio Nusa Mahsuri - Rashid Sidek, Roslin Hashim dan Ismail Saman - tersenarai dalam program Gemilang 2001, kelab itu harus memikirkan sama ada mahu meneruskan atau sebaliknya tabung `Nusa Mahsuri Ke Arah 2000'.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin berkata kelab itu harus memikirkan persoalan itu kerana dengan penyenaiaan pemain dalam Gemilang 2001, pihaknya sudah menyediakan peruntukkan untuk mengatasi masalah mereka.

"Berdasarkan pembiayaan daripada program itu, saya rasa ia sudah mencukupi tetapi saya tidak mahu masuk campur mengenai tabung itu. Saya serahkan kepada mereka untuk buat keputusan.

"Bagaimanapun, jika mereka tidak mahu meneruskan tabung itu, adalah baik. Lebih-lebih lagi jika mereka meneruskan, orang ramai pasti akan mempersoalkan tindakan itu kerana mereka sudah menerima bantuan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet di kementerian, semalam.

Terdahulu, tanda tanya mengenai nasib pemain Nusa Mahsuri sama ada tersenarai atau tidak dalam Gemilang 2001 terjawab apabila Rashid, Roslin dan Ismail disenaraikan.

Malah mereka harus turut menarik nafas lega apabila jurulatih mereka, Misbun Sidek turut dikenalpasti sebagai jurulatih dalam program itu.

Sehubungan itu, mereka kini boleh menjuruskan tumpuan kepada latihan tanpa memikirkan bebanan kewangan kerana penyenaiaan dalam Gemilang 2001 membolehkan mereka menerima kemudahan yang disediakan seperti elaun latihan serta pembiayaan pertandingan antarabangsa.

Terdahulu, Nusa Mahsuri terpaksa menubuhkan tabung `Nusa Mahsuri Ke Arah 2000' dan setakat ini, mereka sudah mengumpul kira-kira RM2,250 daripada kutipan di Segamat serta Masjid Negara, baru-baru ini.

Bagaimanapun, Muhyiddin berkata sekiranya kelab itu mahu meneruskan usaha mengisi kantung tabung itu, dia mencadangkan kutipan diserahkan kepada Majlis Sukan Negara (MSN) untuk diuruskan.

"Sekiranya mereka mahu meneruskan tabung itu, saya cadangkan mereka menyerahkan hasil kutipan kepada MSN untuk uruskan supaya ia digunakan sebaik mungkin untuk keperluan mereka.

"Bagaimanapun, saya akan bincang terlebih dahulu dengan mereka nanti," katanya.

Sementara itu, Muhyiddin berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju dengan pelantikan bekas hakim, Tan Sri Harun Hashim yang kini pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), untuk mengetuai Panel Penasihat Sukan.

Turut menganggotai panel itu adalah Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tunku Imran Tuanku Ja'afar, Setiausaha Kehormat MOM, Sieh Kok Chi, Tan Sri Nordin Hassan, Datuk Zaki Azmi, Datuk Salleh Harun, Datuk Dr M Jegathesan, Fauzi Omar dan Azlina Osman Syed.

"Panel ini akan mengenalpasti permasalahan persatuan sukan dan akan memberi nasihat kepada menteri mengenai langkah yang perlu diambil untuk mengatasinya," katanya.

(END)